



JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

REPRESENTASI PEMULIHAN KERJA



JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



REPRESENTASI PEMULIHAN KERJA

KANDUNGAN

1. Pendahuluan	3
2. Tujuan	3
3. Latar Belakang	3
4. Pekerja	4
5. Pemecatan Kerja	4
6. Proses Permohonan	5
7. Perwakilan	6
8. Rundingan Damai	6-7
9. Lampiran A	8
10. Lampiran B	9



1. Pendahuluan

Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177 memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang dipecat tanpa sebab dan alasan yang munasabah. Seksyen ini memperuntukkan hak kepada seseorang pekerja memfailkan representasi untuk dipulihkan semula ke jawatan asalnya.

Semoga penerbitan buku panduan ini dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan khususnya para pekerja, majikan dan kesatuan di sektor swasta agar memahami undang-undang, kaedah dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pemecatan.

2. Tujuan

Tujuan buku panduan ini adalah untuk memberi maklumat kepada pekerja-pekerja dan majikan-majikan di sektor swasta dan kesatuan mereka mengenai prosedur dan proses yang dijalankan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dalam mengendalikan kes-kes representasi pemulihan kerja.

3. Latar Belakang

Representasi di bawah peruntukan Seksyen 20, APP 1967 hanya untuk dipulihkan ke jawatan asal seperti berikut:

“Where a workman, irrespective of whether he is a member of a trade union of workmen or otherwise, considers that he has been dismissed without just cause or excuse by his employer, he may make representations in writing to the Director General to be reinstated in his former employment;

4. Pekerja

Tafsiran pekerja (*workman*) di bawah Seksyen 2, APP 1967 memperuntukkan:-

"workman" means any person, including an apprentice, employed by an employer under a contract of employment to work for hire or reward and for the purposes of any proceedings in relation to a trade dispute includes any such person who has been dismissed, discharged or retrenched in connection with or as a consequence of that dispute or whose dismissal, discharge or retrenchment has led to that dispute.

5. Pemecatan Kerja

Pemecatan berlaku dalam situasi-situasi berikut:-

- i. Majikan memberhentikan perkhidmatan seseorang pekerja;
- ii. Pekerja dipaksa menamatkan perkhidmatannya atas kehendak majikan (*forced resignation*);
- iii. Pekerja sendiri yang meninggalkan pekerjaannya atas sebab-sebab yang mewajarkan beliau berbuat demikian (pemberhentian secara terancang/*constructive dismissal*).

6. Proses Permohonan

6.1 Representasi di bawah Seksyen 20, APP 1967 boleh dibuat berpandukan syarat-syarat berikut :

- i. Hendaklah seorang **pekerja (workman)** yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2, APP 1967;
- ii. Menganggap bahawa beliau telah dipecat tanpa sebab dan alasan yang munasabah;
- iii. Menuntut untuk dipulihkan ke jawatan asalnya sahaja;
- iv. Perlu dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh pemecatan. Pekerja juga boleh mengemukakan representasi semasa dalam tempoh notis pemecatan;
- v. Perlu dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia (KPPPM); dan
- vi. Boleh difaiklan di Pejabat KPPPM yang berdekatan dengan tenpat pekerjaan.

6.2 Pekerja hendaklah mengemukakan kepada KPPPM maklumat yang lengkap seperti di **Lampiran A**.

6.3 Pegawai yang mengendalikan kes akan menetapkan tarikh rundingan damai. Majikan dan pekerja akan dimaklumkan secara bersurat mengenai tarikh, masa dan tempat rundingan damai.

7. Perwakilan

7.1 Perwakilan yang dibenarkan oleh Pekerja/Majikan semasa rundingan damai adalah seperti berikut :

- i. Hadir sendiri ;
- ii. Jika ahli kesatuan, diwakili oleh pegawai atau pekerja kesatuan;
- iii. Kakitangan pertubuhan pekerja-pekerja/majikan-majikan yang didaftarkan di Malaysia (bukan kesatuan sekerja pekerja-pekerja);
- iv. Diwakili oleh mana-mana orang **kecuali peguamcara dan peguambela**, diberi kuasa oleh pekerja/majikan secara bertulis dan tertakluk kepada kebenaran Ketua Pengarah.

8. Rundingan Damai

8.1 Pekerja dan majikan (bersama-sama wakil masing-masing sekiranya ada) hadir dalam prosiding rundingan damai yang mana Pegawai Pendamai akan menerangkan proses perjalanan rundingan damai tersebut.

8.2 Pegawai Pendamai akan memberi pandangan dan nasihat berdasarkan fakta kes, undang-undang yang berkaitan dan keputusan-keputusan Mahkamah. Kedua-dua pihak diberi peluang yang sama untuk mengemukakan fakta kes masing-masing.

8.3 Sekiranya kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan penyelesaian, satu Memorandum Persetujuan akan disediakan untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak dengan disaksikan oleh Pegawai Pendamai. Representasi ini adalah dianggap selesai dan ditutup setelah semua terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana dalam Memorandum Persetujuan dipenuhi.

8.4 Sekiranya penyelesaian tidak dicapai, representasi tersebut akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

8.5 Ketua Pengarah akan merujuk representasi berkenaan ke Mahkamah Perusahaan.

8.6 Proses pengendalian representasi pembuangan kerja adalah seperti di **Lampiran B**.

(BORANG INI DIBERI PERCUMA)Sila Isi Borang Ini dengan **HURUF BESAR**

Nama dan Alamat Surat-Menyurat Perayu

.....
.....

SILA SERAHKAN KE JABATAN INI:
 3 SALINAN BORANG REPRESENTASI
 3 SALINAN KAD PENGENALAN /
 PASPORT (BAGI PEKERJA ASING)

Tarikh :

Nama dan Alamat JPP Negeri

.....
.....
.....

Tel :
 Faks :
 Emel :

Tuan,**Representasi di Bawah Sek. 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967**

Saya ingin melaporkan kepada pihak tuan bahawa saya telah dibuang kerja oleh majikan saya tanpa sebab dan alasan yang munasabah.

Maklumat mengenai diri saya dan majikan saya adalah seperti berikut:

- | | |
|--|--|
| 1) Nama
(Seperti dalam Kad Pengenalan / Pasport) | : |
| 2) No. Kad Pengenalan / Pasport | : |
| 3) Negara Asal | : Keturunan : |
| 4) No. Telefon | : (R) (HP) : |
| 5) Jawatan Terakhir Yang Disandang | : |
| 6) Klasifikasi | : *Eksekutif / Bukan Eksekutif Gaji Pokok : RM.....
(*potong yang mana tidak berkenaan) |
| 7) Tarikh Mula Kerja | : |
| 8) Tarikh Dibuang Kerja | : |
| 9) Sebab Pembuangan | : |
| 10) Nama Majikan | : |
| 11) Alamat Majikan | : |
| 12) Jenis Perniagaan / Perusahaan | : |
| 13) No. Telefon Majikan | : No. Faks : |
| 14) Alamat Surat-Menyurat Majikan
(Jika Berlainan dengan Bil. 11 di atas) | : |
| 15) Tempat Pekerjaan Terakhir
(Nyatakan Daerah dan Negeri) | : |
| 16) Nama dan Alamat Kesatuan
(Jika diwakili) | : |

Saya memohon pihak tuan untuk mengambil tindakan sewajarnya supaya pekerjaan asal saya dapat dipulihkan.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

.....

Tandatangan Perayu


Untuk kegunaan pejabat :

- i) Tarikh Terima :
- ii) T/Tgn & Cop Penerima :

Nama Perayu :

(Borang ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Perhubungan Perusahaan beralamat seperti di atas dalam tempoh **60 hari** dari tarikh penamatkan / pembuangan kerja).

Carta Aliran Proses Pengendalian Representasi di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967





Disediakan Oleh :

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia**

Aras 9, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 W.P. Putrajaya.

Tel : (603) - 8886 5460 Faks : (603) - 8889 2355
E-mel : jppm@mohr.gov.my
Laman Web : <http://jppm.mohr.gov.my>

ISBN 978-983-43604-6-7



Cetakan Kelima 2013

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh disiarkan dalam apa-apa juga cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electrical, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission in writing of the Department of Industrial Relations of Malaysia, Ministry of Human Resources.

